

# Hubungan dua negara menerusi pendidikan

**U** SAHA mengeratkan hubungan dua hala antara kerajaan Malaysia dan negara lain boleh dilakukan melalui pelbagai cara. Antaranya ialah pendidikan. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara menggariskan tujuh teras utama dalam melahirkan modal insan untuk menyokong teras Misi Nasional dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama.

Teras kelima pelan strategik ialah memperkasakan pengantarabangsaan. Matlamat teras ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi pada peringkat antarabangsa.

Aktiviti mempromosikan pengajian tinggi Malaysia di luar negara dalam usaha menarik pelajar asing melanjutkan pengajiannya di Malaysia sedang giat dilaksanakan secara berterusan melalui Pusat Promosi Pendidikan Malaysia (Malaysia Education Promotion Centre-MEPC).

Matlamat kerajaan Malaysia adalah untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) dan sekolah antarabangsa seramai 100,000 pada 2010.

Enrolmen pelajar antarabangsa di IPT Malaysia bertambah daripada 27,872 pada 2002 kepada 44,390 pada 2006 atau 4.9 peratus.

Komitmen Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam merealisasikan teras kelima pelan strategik dilahirkan dalam pelbagai cara. Antaranya ialah melalui penganjuran pameran pendidikan.

Satu Pameran Pendidikan dianjurkan oleh KPT di Makassar pada 9 dan 10 September lalu.

Saya yang mewakili Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) serta 20 institusi lain mendapati bahawa pro-

mosi adalah satu usaha baik dalam memasarkan pendidikan tinggi Malaysia.

Usaha pengantarabangsaan dan pembinaan reputasi institusi pengajian tinggi tempatan adalah penting kerana ia akan menyumbang kepada penjanaan hasil pendapatan negara melalui enrolmen pelajar antarabangsa dan penjimatan pertukaran wang asing negara.

Selain mempromosi pengajian tinggi Malaysia di Indonesia, usaha sebegini dirasakan dapat merapatkan hubungan kedua-dua negara.

Ramai pengunjung ke pameran pendidikan itu melahirkan kekaguman mereka terhadap kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dan melahirkan minat yang tinggi untuk belajar di Malaysia.

Beberapa aktiviti yang diadakan sepanjang berada di Makassar turut mendekati peserta pameran dengan penduduk Makasar, ibu kota Sulawesi Selatan. Peserta pameran diundang ke majlis makan malam bersama Gabenor Sulawesi Selatan sempena Majlis Perasmian Seminar 50 Tahun Hubungan Dua Hala Malaysia dan Indonesia.

Pada majlis perasmian seminar ini, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak yang dianugerahkan 'Doctor Honoris Causa of Political Economics' oleh Universiti Hasanuddin memberikan ucapan utama pada seminar ini.

KPT terus komited dalam usaha memperkasakan pengantarabangsaan dengan pembukaan Pejabat Konsul Kehormat Makassar.

**DR SAPORA SIPON,**

*Pengarah Perhubungan Korporat,  
Universiti Sains Islam Malaysia  
(Usim).*